

Hal ehwal bumiputera perlu ditambah baik

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI**

hafiz.yusoff@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, jurang pendapatan purata antara kaum bumiputera dan Cina RM2,802 tahun lalu, empat kali lebih tinggi dengan kadar paras kemiskinan tinggi berbanding kaum lain iaitu 7.2 peratus.

Sehubungan itu, Perdana Menteri bersetuju untuk meletakkan perkara dan agenda berkaitan hal ehwal pembangunan bumiputera di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Beliau turut memberi jaminan untuk memberikan perhatian dan tindakan sewajarnya

terhadap resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera I dengan memperkasakan modal insan serta meningkatkan penyertaan bumiputera dalam semua sektor ekonomi.

“Saya memberi jaminan segala resolusi di dalam Kongres Ekonomi Bumiputera I akan diberi perhatian dan mana yang wajar akan dilaksanakan. Selepas 50 tahun Dasar Ekonomi Baru (DEB), komitmen kerajaan pimpinan Perikatan Nasional (PN) masih teguh melaksanakan agenda bumiputera.

“Ia termasuk memperkasakan modal insan dan meningkatkan penyertaan bumiputera dalam semua sektor ekonomi” katanya semasa berucap dalam majlis penutupan Kongres Ekonomi Bu-

miputera I di sini semalam.

Turut hadir Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof; Menteri Kanan Pendidikan Dr. Radzi Jidin dan Setiausaha Agung Majlis Perundingan Melayu (MPM) Datuk Dr. Hasan Mad.

Dalam pada itu, Muhyiddin berkata, usaha membangunkan agenda bumiputera kini diteruskan di bawah aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB 2030) untuk menangani ketidaksaksamaan, menstruktur ekonomi dan membina negara Malaysia bagi menghadapi era yang lebih mencabar dalam tempoh 10 tahun akan datang.

“Untuk memastikan kelangsungan komuniti bumiputera dalam jangka masa panjang,

setiap daripada kita mestilah mempunyai semangat saling bantu-membantu. Semangat kekitaan dalam komuniti bumiputera mestilah diterapkan untuk mewujudkan sebuah kitaran masyarakat yang turut mengambil berat terhadap generasi masa hadapan.

“Saya berharap saudara-saudari sekalian dapat bersama-sama mengambil peluang memperkasakan modal insan bumiputera untuk manfaat kita bersama,” jelasnya.

Tambah Muhyiddin, kerajaan juga sedang memperkukuh pelaksanaan Dasar Bumiputera dalam perolehan kerajaan dengan menambahbaik mekanisme pemantauan dan pelaksanaan dasar.